

Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang

(Benefits of Involvement in Volunteerism towards Skill and Social Development among the Kelab Penyayang Association Undergraduate)

Normah Awang Noh & Ain Zaharah Mohd Zahid¹

Abstract

Volunteerism is a critical value that should be present in the younger generation, such as university students. The empowerment of this group is necessary for the formation of a good and positive identity. Moreover, volunteerism is an effective medium for the holistic development of the students. This research aims to study the benefits of involvement in volunteerism towards students' skills and social development. A self-report survey was conducted among members of the "Kelab Penyayang" society of UiTM Shah Alam. The finding shows that all skills and social development items indicate a high level, reflecting that students' most effective skills after being involved in volunteer activities are strong teamwork and adaptability. Meanwhile, in terms of social development, involvement in volunteer activities is not only able to hinder them from being entangled in unhealthy endeavours, but it can also increase their commitment and sense of responsibility to contribute to the community. The results are a valuable indicator, especially for the management of universities in structuring volunteer programmes that can provide optimum benefits to students.

Keywords

Volunteerism, University Students, Skills Development, Social Development

¹ Pusat Pengajian Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin. Terengganu.

Penulis Koresponden:

Normah Binte Awang Noh

Email: normahawang@unisza.edu.my

Pengenalan

Kesukarelawanian merujuk kepada perbuatan melakukan sesuatu tindakan dengan matlamat untuk membantu individu atau kumpulan tertentu, tidak melibatkan paksaan daripada mana-mana pihak, tidak melibakan sebarang bentuk bayaran atau ganjaran material, dilakukan secara individu atau kolektif serta dilakukan secara formal atau tidak formal (Normah et al., 2019). Kesukarelawanian bukan satu fenomena baharu dalam masyarakat di mana kewujudannya bermula sejak dari pembinaan tamadun dan pembentukan masyarakat (Aishah Nadirah & Tajul Arifin, 2013; Harris et al., 2016; Azizan, 2016).

Sejarah kesukarelawanian di setiap negara tidak banyak berbeza di mana sikap untuk bersukarela pada mulanya disebabkan tanggungjawab terhadap agama dan perasaan ingin membantu yang tinggi (Mardhiyyah et al., 2013; Azizan, 2016). Kesukarelawanian muncul dalam setiap masyarakat dalam bentuk yang berbeza bergantung kepada sejarah, ideologi, politik, sosioekonomi dan budaya sesebuah negara (UNV, 2011). Tragedi kemanusiaan yang berlaku seperti peperangan, konflik politik, kemelesetan ekonomi serta bencana alam mendorong kepada tindak balas individu dan masyarakat untuk terlibat dalam kesukarelawanian (Mardhiyyah et al., 2013). Justeru itu, penglibatan dalam kesukarelawanian bukan lagi bersifat lokaliti dan setempat, tetapi bersifat global yang merentasi sempadan negara, budaya, agama dan masyarakat.

Kesukarelawanian merupakan satu isu global yang semakin mendapat perhatian kerana kepentingannya kepada individu, masyarakat dan negara (Simha et al., 2011). Sumbangan kesukarelawanian kepada individu dapat dilihat menerusi aspek pembangunan personal, sosial, kemahiran, kerjaya dan akademik. Bagi masyarakat pula, penglibatan dalam kesukarelawanian dapat memperkuat dan memperkasakan komuniti, meningkatkan integrasi sosial, membina kepercayaan dan ikatan sosial yang kuat, meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat, mewujudkan ahli masyarakat yang aktif dan positif, membentuk modal sosial yang berkualiti, mengurangkan gejala sosial dan jenayah serta menggalakkan program pemasukan sosial (*sosial inclusion*) untuk golongan marginal (Sarimah et al., 2015; Llenares & Deocaris, 2015).

Selain menyumbang kepada pembangunan diri dan masyarakat, kesukarelawanian juga turut menyumbang kepada aspek pembangunan negara dengan membentuk sebuah negara bangsa yang kuat dan maju serta membina masyarakat demokratik (UNV, 2011). Kesukarelawanian berkesan untuk mencapai ‘Matlamat Pembangunan Milenium’ (*MDGs*); terutamanya di negara-negara membangun yang menggariskan lapan matlamat utama iaitu membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran, mencapai pendidikan asas sejagat, meningkatkan persamaan jantina dan memberi kuasa kepada golongan wanita, mengurangkan kematian kanak-kanak, meningkatkan kesihatan ibu mengandung, memerangi wabak HIV/AIDS, malaria dan penyakit-penyakit berjangkit lain, memastikan kemampaman alam sekitar serta membangunkan kesepakatan global bagi pembangunan sejagat (UNV, 2011).

Ulasan Literatur

Konsep kesukarelawanian

Menurut Azizan (2016), terdapat tiga komponen utama yang saling berkaitan dalam kesukarelawanian; iaitu kerja sukarela (merupakan satu tindakan, kegiatan, khidmat atau aktiviti yang dilakukan secara sukarela), sukarelawan (merupakan manusia individu atau kumpulan yang terlibat atau melakukan kerja sukarela) dan sektor sukarela (merupakan hal-hal berkaitan pemuaafakan atau organisasi sukarela melibatkan kumpulan, kelompok, rangkaian, jaringan, pertubuhan, pergerakan dan sebagainya yang terlibat dalam kerja atau tindakan sukarela). Takrifan kesukarelawanian yang digunakan pada hari ini adalah terbentuk daripada gabungan ketiga-tiga komponen tersebut.

Walau bagaimanapun, timbul keceliaruan dan kekeliruan dalam memberi takrifan kesukarelawanian. Menurut Canada Volunteering (2011), perbincangan mengenai takrifan kesukarelawanian bermula sejak tahun 1970-an lagi dan kesannya kini terdapat pelbagai takrifan telah diberikan oleh pengkaji dan negara. Takrifan kesukarelawanian yang tidak seragam ini disebabkan perbezaan perspektif dalam kalangan penyelidik dan sukar untuk dielakkan (Azizan, 2016; Siti Nazilah, 2014). Takrif atau konsep bukan sesuatu yang muktamad kerana takrifan yang diberikan dipengaruhi oleh pemikiran dan

tindakan individu yang berpengaruh dan berkepentingan tertentu dalam kesukarelawan.

Revolusi takrifan bermula apabila kesukarelawan difahami sebagai suatu kegiatan yang dilakukan dengan tujuan atau niat yang baik tanpa mengharapkan balasan kewangan. Selepas tahun 1970-an, elemen tidak berbayar (*unpaid*) dan tiada paksaan (*uncoercive*) telah dikemukakan (Azizan, 2016). Walau bagaimanapun, pada tahun 1980, Ivan Scheider telah membuat pemurnian terhadap takrifan kesukarelawan dengan memperkenalkan idea ‘relatif bukan terpaksa’ (*relatively un-coerced*) serta konsep ‘kerja bukan permainan’ (*work, not play*). Menurut beliau, idea ‘relatif bukan terpaksa’ menunjukkan keputusan individu untuk terlibat dalam kerja tidak berbayar ditentukan oleh mereka sendiri serta konsep ‘kerja bukan permainan’ pula merujuk kepada tindakan atau kegiatan yang dilakukan secara sedar, terancang serta bersunguh-sungguh dan bukannya dilakukan secara sambil lewa (Azizan, 2016).

Walaupun pelbagai idea atau istilah wujud dalam mentakrifkan konsep kesukarelawan, istilah *volunteerism* banyak digunakan oleh pengkaji dalam membincangkan kesukarelawan dalam skop yang menyeluruh. Sehubungan itu, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, kajian ini merujuk kesukarelawan sebagai perkara-perkara berikut:

- i. Aktiviti atau kegiatan yang dilakukan secara sukarela, ikhlas dan rela hati tanpa melibatkan unsur-unsur paksaan daripada mana-mana pihak.
- ii. Aktiviti atau kegiatan yang dilakukan tidak bermatlamat untuk mendapatkan balasan atau ganjaran material. Walau bagaimanapun, eluan keperluan asas, pembayaran balik wang peribadi yang didahulukan serta pembiayaan lain seperti tambang perjalanan, kos sara hidup, insurans kesihatan seharusnya wajar diberikan dalam kadar yang paling minimum.
- iii. Aktiviti atau kegiatan yang dilakukan mestilah mendatangkan manfaat kepada diri sukarelawan dan juga kepada kelompok atau masyarakat yang dibantu.
- iv. Aktiviti atau kegiatan yang dilakukan secara formal dan tidak formal.
- v. Aktiviti atau kegiatan yang dilakukan secara individual dan kolektif.

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan

Penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan mula menjadi perhatian sekitar tahun 1960an dan 1970an (Gage III & Thapa, 2011). Pada masa tersebut, universiti menawarkan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan melalui persatuan pelajar, bahagian hal ehwal pelajar serta organisasi keagamaan berasaskan kampus (Siti Nazilah, 2014). Aktiviti kampus merujuk kepada aktiviti yang ditaja atau tidak/dan dikendalikan oleh universiti bagi memupuk dan menggalakkan pembentukan nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa. Penyertaan daripada agensi atau organisasi luar digalakkan bagi tujuan penjanaan dana universiti dan masyarakat setempat.

Selain terlibat dalam aktiviti berasaskan kampus, sukarelawan mahasiswa juga turut aktif terlibat dalam aktiviti kesukarelawan yang dianjurkan oleh badan-badan NGO di luar universiti. Pendedahan dan aksesibiliti yang baik memudahkan mereka mendapat maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh badan-badan NGO. Terdapat juga organisasi sukarela yang sanggup membayar sukarelawan mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan kerana sukarelawan mahasiswa yang aktif dalam aktiviti kesukarelawan merupakan sumber bernilai bagi kebanyakan organisasi sukarela yang berperanan menampung kekurangan tenaga kerja, menjana dana bagi organisasi serta menyokong misi dan matlamat organisasi.

Perkembangan sektor kesukarelawan membawa kepada kewujudan pelbagai jenis aktiviti kesukarelawan. Penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan adalah pelbagai. Kajian yang dilakukan oleh Smith et al. (2010) mendapati sukarelawan mahasiswa lebih tertarik menyertai aktiviti kebajikan berbentuk pendidikan sebagai mentor, tutor, jurulatih dan kaunselor yang dapat memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan (48.2%). Selebihnya terlibat dalam aktiviti berbentuk kesukanan dan kebudayaan (42.7%), aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan atau kelab mahasiswa universiti (39.4%) dan aktiviti berkaitan kesihatan dan perkhidmatan kecemasan (37.5%). Selain pendidikan, aktiviti kesukanan juga turut menjadi pilihan sukarelawan mahasiswa. Samnegard (2011) melalui kajiannya terhadap sukarelawan mahasiswa di Universiti Lund mendapati kebanyakan sukarelawan

mahasiswa memilih aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang melibatkan kebajikan mahasiswa (58%), disusuli dengan organisasi sukan (29%), sosial (16%), kebudayaan (7%), khidmat masyarakat (3%), lain-lain (10%). Gage III (2009) yang menjalankan kajian ke atas sukarelawan mahasiswa di Universiti Florida mendapati aktiviti perkhidmatan manusia (58.5%) dan aktiviti pendidikan (57.0%) menjadi pilihan utama sukarelawan mahasiswa. Selebihnya adalah penglibatan dalam aktiviti kebudayaan (36.7%), alam sekitar (36.3%), politik (13%) dan lain-lain (5.2%). Kajian Bastien (2015) juga menunjukkan sukarelawan mahasiswa memilih perkhidmatan manusia sebagai pilihan utama penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan (59.2%), diikuti aktiviti kebudayaan (55.8%), pendidikan (38.1%), rekreasi (33.3%), alam sekitar (17%), politik (3.4%) dan lain-lain (19.2%).

Penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan membawa kepada kesejahteraan diri dan masyarakat. Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan menuntut komitmen daripada sukarelawan mahasiswa daripada pelbagai aspek sama ada masa, tenaga, kewangan, kepakaran, idea dan sebagainya tanpa mengharapkan sebarang balasan terhadap sumbangan yang diberikan (Bastien, 2015; Wu et al., 2016). Sumbangan dalam kesukarelawanan bergantung kepada jenis aktiviti yang disertai sukarelawan mahasiswa. Dalam kesukarelawanan, komitmen sukarelawan mahasiswa dari segi masa dan tenaga dituntut dan diperlukan memandangkan sukarelawan merupakan nadi penggerak kepada kejayaan sesuatu program kesukarelawanan yang dianjurkan (Bastien, 2015). Tanpa adanya sukarelawan, sesuatu program sukar dilaksanakan walaupun sesebuah organisasi mempunyai dana atau kewangan yang mencukupi. Sumbangan sukarelawan mahasiswa dalam bentuk bukan material seperti masa dan tenaga mempunyai nilai dan kepentingan yang sama atau lebih tinggi berbanding dengan sumbangan dalam bentuk kewangan atau sumber. Ini dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Gage III (2009) yang menunjukkan sumbangan utama sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan adalah dari segi masa (73.0%) dan kemahiran (57.4%). Begitu juga dengan kajian yang dilakukan Bastien (2015) yang mendapati khidmat kemahiran (85%) dan masa (81.6%) adalah sumbangan utama sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan.

Manfaat kesukarelawan terhadap pembangunan kemahiran mahasiswa

Kesukarelawan merupakan satu aktiviti yang menyihatkan serta memberi pelbagai sumbangan dan manfaat kepada individu, masyarakat dan negara. Penglibatan aktif dalam aktiviti kesukarelawan mendatangkan manfaat sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang kepada mahasiswa (Whillans et al., 2017). Kesukarelawan juga merupakan salah satu medium efektif yang mampu membangunkan mahasiswa secara holistik (Llenares & Deocaris, 2015). Pembangunan kemahiran penting kepada golongan mahasiswa. Manfaat kemahiran diperolehi dalam dua bentuk; sama ada kemahiran berbentuk vokasional atau teknikal (*hard skill*) atau kemahiran interpersonal (*soft skill*). Walau bagaimanapun, dalam kesukarelawan, mahasiswa cenderung mendapat kemahiran berbentuk interpersonal berbanding dengan kemahiran teknikal. Perolehan kemahiran melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan ini merupakan nilai tambah kepada golongan mahasiswa bagi memudahkan mereka memasuki pasaran kerja. Pihak industri atau majikan lebih tertarik untuk menerima mahasiswa yang mempunyai kemahiran yang pelbagai untuk bekerja dalam organisasi mereka; berbanding dengan mahasiswa yang hanya cemerlang dalam akademik sahaja.

Manfaat kesukarelawan terhadap pembangunan sosial mahasiswa

Penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawan mendatangkan kesan positif terhadap pembangunan sosial mahasiswa. Ini kerana kesukarelawan mendedahkan mahasiswa dengan persekitaran yang membolehkan mereka membina hubungan dengan individu yang pelbagai, berkongsi idea dan pendapat dengan orang lain serta melebarkan jaringan sosial dengan semua segmen dalam masyarakat sama ada melibatkan sukarelawan, masyarakat yang dibantu, organisasi sukarela mahupun media sosial (Salamon et al., 2011). Manfaat sosial juga boleh dilihat dari segi pengiktirafan dan penghargaan yang kemudiannya dapat meninggikan status sosial mahasiswa dalam kalangan sukarelawan yang lain dan juga masyarakat.

Penglibatan dalam kesukarelawanian juga menggalakkan pembentukan tingkahlaku sivik dalam kalangan mahasiswa dalam usaha untuk melahirkan warganegara yang baik (Smith et al., 2010). Antara ciri-ciri tingkahlaku sivik adalah mempunyai keinginan untuk membantu orang lain yang memerlukan, menganggap tindakan membantu orang lain merupakan tanggungjawab sosial bersama, mengamalkan sikap bertimbangrasa serta menghormati perbezaan latar belakang seseorang individu. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanian menjadikan mereka lebih prihatin terhadap perpaduan bangsa dan integrasi sosial; terutamanya di negara yang mempunyai berbilang bangsa seperti Malaysia. Kesedaran sivik dalam kalangan mahasiswa penting bagi mendidik mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan prihatin (Llenares & Deocaris, 2015; Julinawati et al., 2012).

Secara ringkasnya, berikut merupakan antara manfaat pembangunan sosial yang diperolehi mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian. Ia membolehkan mahasiswa berbincang dan berkongsi pengalaman menyertai aktiviti kesukarelawanian bersama rakan-rakan yang lain, meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai isu-isu setempat dan global, meningkatkan integrasi sosial dengan memahami perbezaan nilai, budaya dan latar belakang setiap individu, meningkatkan penglibatan aktif mahasiswa dalam masyarakat, menerima sokongan moral daripada rakan-rakan dan membina hubungan baik dengan universiti, membantu untuk menjadi pemimpin, mentor dan aktivis sosial yang baik untuk menyokong orang lain, memaksimumkan kualiti masa dengan melakukan aktiviti yang bermanfaat, membangunkan keadilan sosial dan mengubah kehidupan masyarakat kepada keadaan yang lebih baik, membina hubungan baru dan jaringan sosial dengan individu lain serta meninggikan status sosial dalam masyarakat.

Teori Fungsional

Dalam membincangkan tentang penglibatan mahasiswa dalam kesukarelawanian dan manfaat yang bakal mereka perolehi, Teori Fungsionalisme dilihat sebagai teori yang bersesuaian untuk dibincangkan. Teori Fungsional digunakan untuk menerangkan tentang fungsi psikologi manusia yang berbeza bagi sesuatu sikap atau tingkah laku yang sama (Gage III & Thapa, 2012; Siti Nazilah, 2014; Azizan, 2016). Teori Fungsional

mengandaikan keputusan untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian melibatkan proses yang rasional. Individu terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanian hasil daripada penilaian kognitif mereka terhadap bakal manfaat yang diperolehi daripada terlibat dalam aktiviti tersebut. Penglibatan sukarelawan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanian adalah untuk mencapai matlamat tertentu yang menjurus kepada manfaat kepentingan diri.

Berdasarkan instrumen *Volunteer Function Inventory* (VFI), terdapat enam tujuan seseorang individu melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanian dan manfaat yang mereka perolehi hasil daripada penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanian. Enam tujuan tersebut adalah nilai, perlindungan, pengukuhan, sosial, kerjaya dan kefahaman. Pembentukan instrumen VFI adalah berasaskan kepada pendekatan fungsionalisme. Andaian asas teori adalah penglibatan individu dalam aktiviti kesukarelawanian didorong oleh pelbagai motivasi atau fungsi sama ada berbentuk altruistik atau egoistik bergantung kepada keperluan semasa mereka. Sesetengah individu mungkin terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian disebabkan untuk mendapatkan manfaat tertentu seperti membantu golongan yang tidak bernasib baik, mendapatkan peluang kerjaya yang diinginkan, membina hubungan dan jaringan sosial dengan orang lain, meningkatkan pembangunan kendiri dan menghindari diri daripada terjebak dalam kegiatan tidak bermoral. Individu akan kekal berkhidmat sebagai sukarelawan bagi jangka masa yang lama sekiranya aktiviti-aktiviti yang sertai dapat memberikan manfaat yang optimum serta dapat memenuhi keperluan mereka.

Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya bagi mencapai objektif kajian. Menurut Neuman (2011), pendekatan kuantitatif adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan inkuiri positivis di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimen atau survei dan data yang dipungut dianalisis menggunakan ujian statistik.

Chua (2006) pula berpendapat aliran positivis berkecenderungan mengkaji tentang tingkahlaku dan pola aktiviti manusia melalui kaedah

mengenal pasti, mengukur dan menghubungkan antara setiap pembolehubah dengan fenomena yang dikaji. Ini bertepatan dengan objektif kajian ini yang ingin mengenal pasti manfaat yang diperolehi mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan (survei) yang melibatkan penggunaan satu set soal selidik berstruktur.

Populasi dan sampel kajian

Populasi bagi kajian ini adalah sukarelawan mahasiswa. Sampelnya pula adalah ahli persatuan Kelab Penyayang di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pemilihan persatuan Kelab Penyayang adalah berdasarkan kepada dua justifikasi; iaitu kefungsian persatuan dan keaktifan persatuan. Tujuan utama Kelab Penyayang ditubuhkan adalah untuk memberikan khidmat bakti dan kebajikan kepada masyarakat. Dari segi keaktifan pula, mereka aktif melakukan pelbagai program kesukarelawanan dan perlu memilih institusi tertentu atau pusat kebajikan tertentu sebagai badan di bawah jagaan mereka. Tambahan pula, Kelab Penyayang dinaungi oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia (PENYAYANG) yang umum diketahui giat menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawanan.

Berdasarkan maklumat daripada sesawang universiti dan bahagian Hal Ehwal Pelajar, dianggarkan terdapat sebanyak 64 persatuan pelajar secara keseluruhannya di UiTM. Daripada jumlah tersebut, hanya terdapat 5 persatuan yang “nature” penubuhannya berfungsi untuk menjalankan program kesukarelawanan. Kelab Penyayang merupakan salah satu daripada 5 perastuan tersebut. Keahlian mahasiswa dalam persatuan Kelab Penyayang sentiasa berubah dan terdiri daripada mahasiswa daripada pelbagai fakulti. Anggaran keahlian persatuan Kelab Penyayang adalah seramai 150 orang ahli.

Pemilihan responden kajian dilakukan secara rawak mudah berdasarkan kepada senarai nama keahlian mahasiswa dalam persatuan Kelab Penyayang. Borang soal selidik diberikan kepada wakil ahli jawatankuasa persatuan Kelab Penyayang untuk diedarkan kepada ahli-ahli yang lain berdasarkan senarai nama yang telah diberikan. Walau bagaimanapun, bilangan sampel bagi kajian ini adalah bergantung kepada kerjasama daripada ahli-ahli persatuan. Seramai 51 orang mahasiswa telah memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini dan mereka terdiri mahasiswa yang berumur antara 18 hingga 25 tahun.

Menurut Dasar Belia Negara, belia dikategorikan sebagai mana-mana individu yang berumur diantara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dari segi strategi perlaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan umur belia adalah antara yang berumur antara 18 hingga 25 tahun. Sehubungan itu, kajian ini mengambilkira belia dalam kategori umur tersebut. Menurut Sekaran dan Bougie (2009), saiz sampel yang bersesuaian bagi kebanyakan kajian adalah bermula daripada 30 orang sehingga 500 orang.

Analisis kajian

Dalam kajian ini, statistik deskriptif digunakan untuk menjelaskan secara umum manfaat pembangunan kemahiran dan sosial terhadap mahasiswa yang aktif terlibat dalam aktiviti kesukarelawanian. Maklumat data daripada hasil borang soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Sosial Sciences* (SPSS) versi 26. Statistik deskriptif menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piaui, median, mod, sela, varians, peratusan, nisbah dan skor Z untuk menyatakan ciri-ciri pembolehubah bagi menerangkan secara logik dapatan kajian agar fenomena yang dikaji dapat difahami (Sekaran & Bougie, 2009; Chua, 2014). Skala penentuan tahap min (Jadual 1) yang dikeluarkan oleh Jamil (2002) telah digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Interpretasi Nilai Min

Julat Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Dapatan Kajian

Penglibatan dalam kesukarelawanian mendatangkan pelbagai manfaat kepada golongan mahasiswa. Kajian ini mendapati semakin aktif mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanian, semakin banyak manfaat yang mereka perolehi. Dalam kajian ini, manfaat penglibatan dalam kesukarelawanian dilihat dari dua aspek iaitu pembangunan sosial dan pembangunan sosial.

Maklumat sosiodemografi sukarelawan mahasiswa

Dari Jadual 2, responden kajian ini terdiri daripada 22 orang (43.1%) lelaki dan 29 orang (56.9%) perempuan. Taburan umur responden pula menunjukkan kategori umur 24 hingga 26 tahun adalah yang paling ramai terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan (52.9%), diikuti dengan kategori umur 21 hingga 23 tahun (45.1%) dan seterusnya kategori umur 18 hingga 20 tahun (2.0%). Dari segi bangsa pula, hasil kajian menunjukkan kesemua responden terdiri daripada bangsa Melayu dan juga beragama Islam iaitu seramai 51 orang (100%). Maklumat bagi tahun pengajian pula menunjukkan hanya seorang sahaja (2.0%) responden bagi tahun satu dan tahun dua. Manakala seramai 8 orang (15.7%) responden berada pada tahun tiga pengajian. Tahun empat pengajian pula mencatatkan responden yang paling tinggi iaitu seramai 41 orang (80.4%).

Jadual 2: Sosiodemografi Responden Kajian

	Maklumat sosiodemografi	Jumlah (N)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	22	43.1
	Perempuan	29	56.9
	Jumlah	51	100
Umur	18-20 tahun	1	2.0
	21-23 tahun	23	45.1
	24-26 tahun	27	52.9
	Jumlah	51	100
Bangsa	Melayu	51	100
	Cina	0	0
	India	0	0
	Jumlah	51	100
Agama	Islam	51	100
	Kristian	0	0
	Buddha	0	0
	Jumlah	51	100
Tahun pengajian	Tahun 1	1	2.0
	Tahun 2	1	2.0
	Tahun 3	8	15.7
	Tahun 4	41	80.4
	Jumlah	51	100
Fakulti	Aliran sains	23	45.1
	Aliran sastera	28	54.9
	Jumlah	51	100
Penempatan	Dalam kolej universiti	13	25.5
	Luar kolej universiti	38	74.5
	Jumlah	51	100

Responden yang menganggotai persatuan Kelab Penyayang ini terdiri daripada pelbagai fakulti. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan fakulti kepada dua aliran iaitu aliran sains dan aliran sastera. Hasil kajian menunjukkan 23 orang (45%) responden adalah terdiri daripada aliran sastera. Manakala aliran sains pula terdiri daripada 28 orang (54.9%) responden. Dari segi penempatan pula, seramai 13 orang (25.5%) responden tinggal di dalam kolej universiti manakala seramai 38 orang (74.5%) responden tinggal di luar kolej universiti. Majoriti responden tinggal di rumah sewa berdekatan kolej universiti berbanding dengan responden yang tinggal di asrama yang disediakan oleh universiti.

Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanhan terhadap pembangunan kemahiran mahasiswa

Hasil kajian menunjukkan kesemua item bagi pembangunan kemahiran menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi iaitu di antara 3.67 hingga 5.00. Kebanyakan responden bersetuju menyatakan manfaat utama penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanhan adalah dapat membentuk kerja berpasukan yang baik dengan mencatat nilai min sebanyak 4.82 dan sisihan piawai 0.43 serta dapat meningkatkan kemahiran menyesuaikan diri dengan mencatat nilai min sebanyak 4.70 dan sisihan piawai 0.50.

Jadual 3: Nilai Min Pembangunan Kemahiran Mahasiswa Terlibat Dalam Kesukarelawanhan

Pembangunan Kemahiran	Item Komponen		
	Nilai Min	SP	Tahap
Kemahiran komunikasi	4.67	0.6	Tinggi
Kemahiran kepimpinan	4.64	.56	Tinggi
Kemahiran kerja berpasukan	4.82	.43	Tinggi
Kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah	4.63	.63	Tinggi
Kemahiran keusahawanan	4.43	.96	Tinggi
Kemahiran pengurusan masa	4.59	.67	Tinggi
Kemahiran menyesuaikan diri	4.70	.50	Tinggi
Kemahiran mempengaruhi orang lain	4.31	.81	Tinggi
Kemahiran membina hubungan	4.65	.59	Tinggi
Kreatif dan inovatif	4.31	.88	Tinggi

Seterusnya, kemahiran komunikasi mencatat nilai min sebanyak 4.82 dan sisihan piawai 0.43, kemahiran membina hubungan mencatat nilai min sebanyak 4.65 dan sisihan piawai 0.59, kemahiran kepimpinan mencatat nilai min 4.64 dan sisihan piawai 0.56, kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah mencatat nilai min sebanyak 4.63 dan sisihan piawai 0.63, kemahiran pengurusan masa mencatat nilai min sebanyak 4.59 dan sisihan piawai 0.67, kemahiran keusahawanan mencatat nilai min sebanyak 4.43 dan sisihan piawai 0.96, kemahiran mempengaruhi orang lain mencatat nilai min 4.31 dan sisihan piawai 0.81 dan kreatif dan inovatif mencatat nilai min sebanyak 4.31 dan sisihan piawai 0.88.

Penemuan kajian menunjukkan aktiviti kesukarelawanian yang disertai oleh mahasiswa menawarkan pelbagai jenis kemahiran yang bermanfaat kepada mahasiswa; terutamanya melibatkan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kemahiran-kemahiran ini penting bagi membolehkan mahasiswa menempatkan diri dalam dunia pekerjaan dan berpeluang untuk memilih kerjaya yang diinginkan. Hasil kajian ini adalah bertepatan dengan kajian oleh MacNeela dan Gannon (2013) yang menyatakan bahawa aktiviti sukarelawanian mampu menyerlahkan dan menggilap potensi dan kemahiran yang wujud dalam diri seseorang individu. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanian mampu menawarkan pelbagai bentuk kemahiran sosial kepada mahasiswa terutamanya melibatkan kemahiran interpersonal atau kemahiran berhubungan dengan orang lain.

Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanian terhadap pembangunan sosial mahasiswa

Hasil kajian menunjukkan pembangunan sosial kesemua item bagi pembangunan sosial menunjukkan skor pada tahap yang tinggi iaitu di antara 3.67 hingga 5.00. Kebanyakan responden bersetuju menyatakan penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanian dapat menghindarkan diri mereka daripada terlibat dalam aktiviti atau gejala yang tidak sihat dengan mencatat nilai min sebanyak 4.80 dan sisihan piawai 0.40.

Seterusnya, kebanyakan mahasiswa juga bersetuju penglibatan dalam kesukarelawanian dapat meningkatkan rasa tanggungjawab untuk membantu

menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang berlaku dalam masyarakat dengan mencatat nilai min sebanyak 4.76 dan sisihan piawai 0.47.

Selain itu, kesukarelawanian juga membantu mahasiswa untuk membina kenalan baru dengan mencatat nilai min sebanyak 4.74 dan sisihan piawai 0.48, kesukarelawanian mampu meningkatkan nilai toleransi dan lebih bersikap terbuka terhadap kepelbagaiannya latar belakang individu lain dengan mencatat nilai min sebanyak 4.74 dan sisihan piawai 0.48, kesukarelawanian mampu meningkatkan kesedaran mahasiswa berkaitan dengan isu-isu semasa yang berlaku dalam komuniti dengan mencatat nilai min sebanyak 4.72 dan sisihan piawai 0.53, kesukarelawanian dapat membentuk sahsiah diri yang unggul dengan mencatat nilai min sebanyak 4.70 dan sisihan piawai 0.50, kesukarelawanian dapat membantu mahasiswa meningkatkan perasaan *sense of belonging* dengan mencatat nilai min sebanyak 4.69 dan sisihan piawai 0.65, kesukarelawanian dapat meningkatkan penglibatan aktif mahasiswa dalam komuniti dengan mencatat nilai min sebanyak 4.67 dan sisihan piawai 0.52 serta kesukarelawanian mampu menghilangkan perasaan sunyi dengan mencatat nilai min sebanyak 4.57 dan sisihan piawai 0.64.

Jadual 4: Nilai Min Pembangunan Sosial Mahasiswa Terlibat Dalam Kesukarelawanian

Pembangunan Sosial	Item Komponen		
	Nilai Min	SP	Tahap
Kesukarelawanian membantu saya membina kenalan baru	4.74	.48	Tinggi
Kesukarelawanian membantu menghilangkan rasa sunyi	4.57	.64	Tinggi
Kesukarelawanian membentuk sahsiah diri yang unggul	4.70	.50	Tinggi
Kesukarelawanian menghindarkan diri daripada terlibat dengan gejala yang tidak sihat	4.80	.40	Tinggi
Kesukarelawanian menjadikan saya lebih bertoleransi dan bersikap terbuka terhadap kepelbagaiannya budaya dan latar belakang individu lain	4.74	.48	Tinggi
Kesukarelawanian menjadikan saya bersifat tidak menghukum kerana golongan terpinggir juga berhak untuk membangunkan semula kapasiti diri mereka	4.61	.66	Tinggi
Kesukarelawanian membantu saya untuk menemui perasaan <i>sense of belonging</i>	4.69	.65	Tinggi
Saya dapat meningkatkan penglibatan aktif dalam komuniti	4.67	.52	Tinggi
Saya dapat meningkatkan kesedaran berkaitan dengan isu semasa yang berlaku dalam komuniti	4.72	.53	Tinggi
Saya dapat meningkatkan sikap bertanggungjawab dalam diri untuk membantu dalam menyelesaikan masalah ketidakseimbangan yang timbul dalam komuniti / tingkah laku sivik	4.76	.47	Tinggi

Mahasiswa merupakan golongan muda yang mudah terjebak dengan pelbagai masalah sosial disebabkan pengaruh persekitaran yang negatif. Hasil kajian menunjukkan penglibatan dalam kesukarelawan mampu menghindari mahasiswa daripada terjerumus dengan gejala yang tidak sihat. Selain itu, mahasiswa yang berada di dalam kampus mempunyai akses dan pendedahan yang lebih meluas untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan. Program-program kesukarelawan yang dianjurkan mampu menyemai komitmen dan rasa tanggungjawab untuk berbakti kepada masyarakat.

Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dibincangkan, bahagian ini mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan kajian akan datang. Kajian ini hanya melibatkan hanya mahasiswa di sebuah universiti awam dan hanya memilih satu persatuan kesukarelawan sahaja. Bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dalam aktiviti kesukarelawan, dicadangkan kajian akan datang mempertimbangkan untuk membesarkan skop kajian kepada golongan belia secara umum yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawan di organisasi sukarela. Ini penting untuk memperkasakan generasi muda bukan sahaja dalam kalangan mahasiswa tetapi juga melibatkan golongan belia secara keseluruhannya secara holistik.

Kesimpulan

Semangat kesukarelawan perlulah diterap dalam diri setiap mahasiswa sejak daripada peringkat awal lagi. Hal ini kerana mahasiswa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara sebagai bakal peneraju dan pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawan mendatangkan pelbagai manfaat yang positif kepada diri mahasiswa. Semakin aktif mahasiswa terlibat dalam aktiviti kesukarelawan, maka semakin banyak manfaat yang diperolehinya. Perolehan manfaat hasil daripada penglibatan dalam kesukarelawan

merupakan satu bentuk pemerksaan yang dapat membangunkan mahasiswa secara menyeluruh.

Rujukan

- Aishah Nadirah, M.A. & Tajul Arifin, M. (2013). *Motif penglibatan sukarelawan sukan institusi pengajian tinggi*. Kertas kerja dibentangkan dalam World Conference on Integration of Knowledge, WCIK 2013. Langkawi, Malaysia. 25-26 November 2013.
- Azizan, B. (2016). *Kesukarelawanhan*. Pustaka Qarya. Perlis: Kangar.
- Bastien, A.C. (2015). *An examination of volunteer motivations and characteristics between required volunteer service and non-required volunteer service in college students: An exploratory study*. (Thesis). University of Georgia, United States.
- Gage III, R. L. (2009). *Volunteer motivations and constraints among undergraduate college students*. (Thesis). University of Florida, Florida, United States.
- Gage III, R.L. & Thapa, B. (2011). Volunteer motivations and constraints among college students: Analysis of the volunteer function inventory and leisure constrains models. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 41(3), 405-430.
- Harris, B., Morris, A., Ascough, R.S., Chikoto, G.L., Elsen, P.R., McLoughlin, J. et al. (2016). History of associations and volunteering. Dalam Smith, D.H., Stebbins, R.A. & Grotz, J. (eds.). *The palgrave handbook of volunteering, civic participation and nonprofit association* [p. 23-58]. Palgrave Macmillan.
- Julinawati, S., Mohammad Rezal, H., Azizan, B., Ku Amir, K. D., Siti Raba'ah, H. & Turiman, S. (2012). *Semangat kesukarelawanhan dalam kalangan mahasiswa melayu di IPTA: Satu tinjauan ke arah pembentukan pendidikan kesukarelawanhan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA). UniMAP, Perlis. 29-31 Mac 2012.
- Llenares, I.I. & Deocaris, C. (2015). Motivations for volunteerism among Filipino college students. *International Journal of Education and Research*, 3(2), 599-610.
- Mardhiyyah, S., Khairudin, M., Asmidar, A. & Mohd Dasuqkhi, M.S. (2013). Empowering youth volunteerism : The importance and global motivating factors. *Journal of Educational and Sosial Research*, 3(7), 502-507.
- Normah, A. N. Kamal, M.Y. & Fazil, A. (2019). Contributions Of Volunteering University's Student to National Economy. *International Journal of Asian Sosial Science*, 7 (12), 971-976.
- Roemer, C.M. (2000). *Associations of civic attitudes in service learning*. (Thesis). Virginia State University, Petersburg, United States.

- Salamon, L.M., Sokolowski, S.W. & Haddock, M.A. (2011). Measuring the economic value of volunteer work globally: Concepts, estimates, and a roadmap to the future. *Annals of Public and Cooperative Economics*, 82(3): 217-252.
- Samnegard, E. (2011). *Involving a new generation: The motives why student volunteer or not.* (Thesis). Malmo University, Scania, Sweden.
- Sarimah, I., Noor Azmira, S., Vincent, P. & Nagoor Meera, A. (2015). Youth volunteerism in Chow Kit, Malaysia : Factors of involvement. *In Multidisiplinary Studies*, 1, 219-224.
- Simha, A., Topuzova, L.N. & Albert, J.F. (2011). V for volunteering -the journeys of undergraduate volunteers. *Journal of Academic Ethics*, 9, 107–126.
- Siti Nazilah, M.A. (2014). *Kesukarelawanan: Isu dan kepentingannya kepada masyarakat.* Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- United Nations Volunteer (UNV) (2011). *State of the world's volunteerism report.* United Nations.
- Whillans, A.V., Seider, S.C., Chen, L., Dwyer, R.J., Novick, S., Gramigna, K.J. et al (2017). Does volunteering improve well-being? Comprehensive results in sosial psychology. *Europian Association of Sosial Psychology*, 1(1-3),35-50.
- Wu, H.T., Tu, C.T., Chou, M.J, Hou, J.F. & Lei, M.S. (2016). Development of Taiwan undergraduates volunteer service motivation scale. *Universal Journal of Education Research*, 4(4),761-7.